



Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/5
Tarikh : 27 Oktober 2022

PEKELILING AKADEMIK BIL. 36/2022

Semua Dekan/Pengarah
Fakulti/Institut/Pusat
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan,

PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PADA SESI AKADEMIK 2022/2023 DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa Mesyuarat Senat ke-489 bertarikh 24 Ogos 2022 telah **meluluskan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran pada Sesi Akademik 2022/2023 diadakan secara bersemuka** kecuali bagi fakulti yang masih mempunyai keperluan untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian tertakluk kepada fleksibiliti yang diberikan sehingga tamat Semester 1 Sesi Akademik 2022/2023.

3. Dilampirkan juga Surat Makluman MQA Bil. 7/2022 bertarikh 8 Ogos 2022 mengenai Penerangan Berhubung Pelanjutan Fleksibiliti Pengendalian Program Pendidikan Tinggi bagi tahun 2022 seperti di **Lampiran 1** untuk makluman dan rujukan YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan.

Sekian dimaklumkan dan segala kerjasama dan perhatian YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan mengenai perkara ini diucapkan terima kasih.

Yang benar,

PROFESOR MADYA DR. IRMAN BIN ABDUL RAHMAN

Pengarah
Pusat Pengurusan Akademik (AKADEMIK UKM)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PEJABAT PENGARAH

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-89213895 E-mel: pghakad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

- s.k.
- Naib Canselor
Universiti Kebangsaan Malaysia
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Kebangsaan Malaysia
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Universiti Kebangsaan Malaysia
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat)
Universiti Kebangsaan Malaysia
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi)
Universiti Kebangsaan Malaysia
 - Pendaftar, Universiti Kebangsaan Malaysia
 - Bendahari, Universiti Kebangsaan Malaysia
 - Ketua Pustakawan, Universiti Kebangsaan Malaysia
 - Pengarah, Pusat Teknologi Maklumat
Universiti Kebangsaan Malaysia
 - Pengarah, Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMShape)
Universiti Kebangsaan Malaysia
 - Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti (KUALITI UKM)
Universiti Kebangsaan Malaysia
 - Pengarah, Pusat Komunikasi Korporat
Universiti Kebangsaan Malaysia
 - Timbalan Pengarah (Governans Akademik)
Pusat Pengurusan Akademik
Universiti Kebangsaan Malaysia
 - Ketua Pentadbiran/Pegawai Tadbir Prasiswazah dan Pascasiswazah
Fakulti/Institut/Pusat
 - Yang Dipertua
Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (KMUKM)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PEJABAT PENGARAH

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-89213895 E-mel: pghakad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jld. 5 (3)

Tarikh : 8 Ogos 2022

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 7/2022

PENERANGAN BERHUBUNG PELANJUTAN FLEKSIBILITI PENGENDALIAN PROGRAM PENDIDIKAN TINGGI BAGI TAHUN 2022

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana tuan/puan sedia maklum, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah mengeluarkan Surat Makluman Bil 5/2022 bertarikh 12 April 2022 berhubung dengan penggunaan nota panduan fleksibiliti pengendalian program Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang dilanjutkan pemakaiannya sehingga 31 Disember 2022.
3. Sehubungan itu, MQA telah menerima beberapa pertanyaan dan cadangan berhubung dengan pelanjutan fleksibiliti berkenaan daripada pelbagai pihak termasuk dari segi sistem semester yang dilaksanakan oleh PPT.
4. MQA mengambil maklum serta telah meneliti perkara berkaitan dan memutuskan pelanjutan fleksibiliti ini juga terpakai bagi PPT yang melaksanakan sistem semester bermula dari tahun 2022 dan berakhir pada bulan tertentu di tahun 2023. Sebagai contoh: Sekiranya semester di sesebuah PPT **bermula Oktober 2022 dan berakhir Januari 2023**, PPT dibenarkan melaksanakan fleksibiliti berkenaan sehingga semester Oktober 2022-Januari 2023 berakhir. Bagi semester berikutnya PPT perlu melaksanakan mod pengendalian asal program seperti mana yang telah diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan memaksimumkan pengendalian secara 'blended learning/ hybrid learning' (bersemuka dan dalam talian) sebagaimana ketetapan semasa MQA.
5. Surat makluman ini perlu dibaca bersama dengan arahan atau ketetapan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa termasuk KPT dan pihak berkuasa lain yang berkaitan termasuk program yang melibatkan badan profesional.

PPT hendaklah menyimpan semua dokumen dan rekod berkaitan bagi tujuan audit pada masa akan datang.

6. PPT dimohon mengambil perhatian yang sewajarnya agar pelaksanaan dan urusan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran serta jaminan kualiti program dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL”

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, consisting of a stylized 'm' followed by a long, horizontal, slightly wavy line.

PROF. DATO' DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)